

## Aplikasi 4K 1N dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Abad 21: Satu Kajian terhadap Pengajaran Guru Tingkatan Enam di Daerah Kubang Pasu

### *4K 1N Applications in 21<sup>st</sup> Century Learning and Facilitation: A Study of the Teaching of Form Six Teachers in Kubu Pasu District*

Open  
Access

Ismail Said<sup>1,\*</sup>, Khalijah Ahmad<sup>1</sup>, Rohani Seman<sup>1</sup>, Ros Silawati Ahmad<sup>2</sup>, Mohd Fauzi Fadzil<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Kajian Sosial IPGK Darulaman, Kedah, Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Melayu, IPGK Darulaman, Kedah, Malaysia

#### ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dan strategi pelaksanaan elemen 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad 21 oleh guru-guru Tingkatan Enam di daerah Kubang Pasu dan mengkaji kesan pelaksanaan amalan 4K 1N kepada pelajar Tingkatan Enam. PAK21 merupakan satu pendekatan dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini serta mampu membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. Pendekatan ini juga adalah proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid dan mengandungi beberapa elemen penting iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21. Secara keseluruhannya kajian ini mengaplikasikan kaedah Design and Development Research (DDR) iaitu kaedah campuran antara kuantitatif dan kualitatif. Justifikasi pemilihan kaedah kajian ini berdasarkan kepada keperluan data kajian iaitu bagi mendapatkan maklumat demografi guru, selain memerlukan maklum balas guru terhadap pelaksanaan 4K 1N yang diamalkan dalam PdPc abad 21 di Tingkatan Enam. Terdapat tiga teknik pengumpulan data yang diaplikasikan dalam kajian ini iaitu soal selidik yang menggunakan skala Likert (kuantitatif) yang diedarkan kepada 66 orang guru selaku responden kajian, manakala temu bual dan pemerhatian (kualitatif) dilakukan ke atas 3 orang peserta kajian yang dipilih daripada kalangan 66 responden yang dipilih secara rawak. Data kuantitatif yang dikumpul, dianalisis secara analisis deskriptif kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai manakala data kualitatif dianalisis secara tematik iaitu berdasarkan tema-tema yang telah dibentuk melalui objektif kajian. Hasil kajian mendapati aplikasi elemen 4K 1N menerusi program Tingkatan Enam ini telah dijadikan amalan dalam PdPc guru-guru. Iaitu pada tahap tinggi (min=4.15). Analisis berdasarkan empat konsep 4K dan 1N menunjukkan aspek kreatif (min= 4.03), pemikiran kritis (min=4.09), kolaboratif (min= 3.98) berada pada tahap terendah. Manakala aspek komunikasi (min=4.33) dan nilai (min 4.34) menunjukkan amalan pada tahap tinggi. Dapatan ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap amalan 4K 1N guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu dari aspek pengalaman mengajar ( $t = -1.101$  ;  $p = .279$ ). Namun demikian terdapat elemen tertentu yang masih perlu diperkukuhkan oleh guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

\* Corresponding author.

E-mail address: [isma1269@yahoo.com](mailto:isma1269@yahoo.com)

<https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.6479>

*This study aims to identify the practices and strategies of implementing 4K 1N elements in 21st Century teaching and learning by Sixth grade teachers in Kubang Pasu district and to study the impact of implementing 4K 1N practices on Form Six students. PAK21 is an approach that is able to meet the current educational needs and bring about new changes in the education world. This approach is also a student-centered learning process and contains several key elements namely communication, collaboration, critical thinking, creativity and the application of pure and ethical values. These elements are also referred to as the standard in PAK21. Overall, this study applied the Design and Development Research (DDR) method, a quantitative and qualitative mixed method. The justification of this method of study is based on the need for research data to obtain teacher demographic information, as well as requiring teacher feedback on the implementation of 4K 1N practiced in the 21st Century PdPc in Form Six. There were three data collection techniques applied in this study, a questionnaire using a Likert scale (quantitative) distributed to 66 teachers as survey respondents, while interviews and observations (qualitative) were conducted on 3 study participants selected from among 66 randomly selected respondents. The quantitative data collected were analyzed by descriptive analysis of frequency, percentage, mean and standard deviation while qualitative data were thematically analyzed based on themes formed through the study objectives. The results showed that the application of 4K 1N elements through the Form Six program was practiced in PdPc teachers. That is, at the high level (mean = 4.15). Analyzes based on four 4K and 1N concepts showed that the creative aspects (min = 4.03), critical thinking (min = 4.09), collaborative (min = 3.98) were at their lowest. While the communication aspect (mean = 4.33) and value (mean 4.34) show high level of practice. The t test results showed that there was no significant difference in the level of 4K 1N teachers in Form Six PPD Kubang Pasu in terms of teaching experience ( $t = -1.101$ ;  $p = .279$ ). However, there are certain elements that still need to be reinforced by teachers who teach Form Six in order to produce quality human capital.*

**Kata Kunci:**

PAK-21; kreativiti; pemikiran kritis;  
kolaboratif; komunikasi dan nilai

**Keywords:**

PAK-21; creativity; critical thinking;  
collaborative; communication and values

Copyright © 2020 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

## 1. Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Seperti negara dunia yang lain, sistem pendidikan di Malaysia terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu bermula dengan pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas dan Tingkatan Enam atau yang pernah disebut sebagai pendidikan Program Pra Universiti. Setiap peringkat pendidikan, mempunyai strategi dan pelaksanaan tersendiri bagi mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan.

Pendidikan pada peringkat Tingkatan Enam merupakan salah satu laluan yang membolehkan para pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat menara gading [11]. Pelajar yang mengikuti pengajian pada peringkat ini merupakan pelajar yang telah tamat pengajian peringkat menengah atas dan telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pengajian yang mengambil masa selama satu setengah tahun ini, menyediakan dua pilihan aliran pengajian iaitu aliran Sains dan Sastera. Pelajar akan dinilai mengikut sistem penilaian semester iaitu tiga semester penilaian. Gred pencapaian pada setiap semester atau Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akan dikumpulkan dengan pada semester akhir dengan kiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan bagi mendapatkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Justeru itu pihak guru perlu memastikan pelajar-pelajar ini mempunyai nilai dan kualiti intelektual yang tinggi bagi memastikan mereka dapat menghadapi cabaran apabila berada di universiti nanti selain dapat merasai kaedah pembelajaran secara tidak langsung. Strategi dan gaya pembelajaran yang memberi kesan kepada perkembangan intelek, komunikasi sosial, kreatif dan sebagainya perlu didedahkan secara langsung kepada mereka. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan

dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Bersesuaian dengan matlamat dan zaman, KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bermula pada tahun 2014.

Merujuk kepada gaya dan strategi dalam pendidikan, secara dasarnya sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan yang besar dalam pelbagai aspek sama ada dasar pendidikan, kurikulum berserta kandungannya, misi dan visi, kaedah dan strategi pengajaran sehinggalah kepada perubahan latihan yang diberikan kepada guru-guru di sekolah. Keperluan utama perubahan ini supaya sistem pendidikan di negara ini setanding dengan pendidikan di negara-negara lain, selain dapat di terima pakai oleh penuntut dari luar negara. Bagi memastikan kejayaan dalam perubahan sistem pendidikan di Malaysia, perubahan insaniah dalam kalangan pelajar adalah paling berkaitan dengan kejayaan pelaksanaan pendidikan di negara ini. Kini, PAK21 telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. PAK21 juga merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21.

Aspek komunikatif lazimnya melibatkan kemahiran dalam berkomunikasi iaitu menyampaikan maklumat dan bertukar pendapat dengan orang lahir. Pelajar tidak kekok serta mampu membiasakan diri bercakap dengan individu lain. Selain itu, ciri komunikatif juga bermaksud pelajar boleh berkomunikasi dengan berkesan, mampu menyampaikan maksud berserta dengan tindakan. Komunikasi yang dimaksudkan berbentuk dua hala yang berlaku melalui medium bersemuka mahupun maya. Manakala aspek kolaboratif pula berkait rapat dengan hubungan dan kemahiran berurusan dengan orang yang terdapat di sekelilingnya. Dalam konteks pelajar, orang yang lazimnya akan berhubung secara langsung ialah ibu bapa, rakan dan guru-guru. Pelajar boleh bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan untuk mencapai kata putus sebulat suara.

Pelajar juga tahu peranan masing-masing sebagai ahli atau ketua kumpulan. Pelajar boleh membuat keputusan dalam merancang perbincangan atau melakukan aktiviti. Berfikiran kritis merujuk kepada keupayaan pelajar dalam menyelesaikan masalah selain dapat membuat pertimbangan yang logik dan matang dalam membuat sesuatu keputusan. Pelajar juga bersedia untuk merungkai langkah-langkah ke arah hasil atau keputusan yang dibuat. Aspek kreatif pula akan memperlihatkan para pelajar mampu memberi idea di luar jangkaan yang bersesuaian dengan situasi. Pelajar juga mahir menggunakan kemahiran pelbagai dalam mempersembahkan hasil perbincangan atau menyampaikan keputusan.

Bagi menentukan kemenjadian pelajar dan kejayaan dalam pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia, aspek nilai yang mewakili 1N adalah dengan memastikan kemenjadian pelajar sebagai insan pada masa akan datang. Nilai murni merupakan aspek yang dianggap mendasari kemenjadian masyarakat dan kegemilangan sesebuah tamadun. Nilai lazimnya mempunyai hubung kait dengan kehidupan seharian. Antaranya, seperti baik hati, berhemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, tolong menolong dan sebagainya. Dengan erti kata lain, nilai-nilai inilah yang sentiasa diterapkan oleh ibu bapa dan guru-guru bermula dari peringkat awal usia kanak-kanak lagi. Di sekolah, nilai murni dalam PdPc ini ialah pelajar boleh bekerjasama dengan ahli kumpulan, pelajar menghormati pelajar bangsa lain dalam kelas, pelajar menghormati guru dengan mendengar arahan guru, pelajar mendengar semasa pelajar lain mengutarakan idea, pelajar kreatif semasa membentangkan hasil perbincangan dan sebagainya.

## 2. Pernyataan Masalah

Hasil daripada kajian-kajian yang terdahulu, mendapati terdapat beberapa persoalan dan dapatan yang masih memerlukan bukti yang lebih kukuh terhadap amalan dan pelaksanaan PAK21 menerusi elemen 4K 1N dalam kalangan guru di sekolah. Antaranya yang mengatakan bahawa para guru perlu mempersiapkan diri untuk melakukan transformasi dalam PdP bagi memenuhi kehendak pembelajaran pelajar era teknologi digital masa kini. Konsep PdP abad ke-21 memerlukan guru untuk merubah paradigma sedia ada kepada pembelajaran yang mementingkan penglibatan pelajar dalam setiap proses PdP yang dijalankan. Reka bentuk pendidikan seumpama ini akan melahirkan pelajar yang toleran, kreatif dan aktif sebagai warganegara, pekerja dan pemimpin serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara apabila dewasa kelak. Pendidik pada zaman perkembangan teknologi yang semakin pesat perlu bijak menyelidik dan menyiasat maklumat-maklumat yang berguna dalam PdP untuk menjalankan pengajaran berbentuk sendiri, inkuiri dan kolaboratif dengan menggunakan pelbagai medium seperti media sosial. Manakala Mohd Zarawi [8], kejayaan melahirkan guru yang kompeten dan cemerlang adalah bergantung kepada kurikulum latihan guru. Persoalannya, adakah guru kini cakna kepada perubahan amalan mengajar seperti yang terkandung dalam PAK21 khususnya terhadap elemen 4K 1N.

Selain itu Masyuniza dan Zamri [6], melalui hasil kajiannya tentang keupayaan pelajar sekolah menengah menguasai kemahiran abad ke-21 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mendapati pelajar boleh berkomunikasi dalam kumpulan dan yakin keberkesanan teknik PdP secara berkumpulan. Kesedaran dan kebiasaan tentang ciri-ciri kolaboratif dan komunikasi ini seiring dengan dapatan kajian Vincent (n.d) tentang kemahiran dan tema PdP abad ke-21 dalam kalangan guru kolej ketika proses menjalani latihan keguruan dan amalan pengajaran di bilik darjah. Guru kolej didapati peka dengan pelbagai konsep dan kemahiran PAK21. PAK21 perlu di struktur dengan menekankan kepada aktiviti dan penglibatan pelajar khususnya melibatkan aktiviti berkomunikasi secara kolaboratif dan penyelesaian masalah.

Badrul Hisham dan Mohd Nasruddin [2] merumuskan bahawa guru-guru perlu menguasai PdP kolaboratif yang berkonsepkan perkongsian maklumat antara pelajar dan guru atau pelajar bersama pelajar. Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan objektif sesuatu tugas dengan persetujuan guru untuk berkolaborasi dan berbincang dalam menyelesaikan tugas seperti menggunakan peta minda, pengurusan grafik dan sebagainya. Pembelajaran yang bermakna akan berlaku melalui cara ini berdasarkan prinsip perkongsian idea sesama pelajar. Selari dengan kajian ini, hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Badrul Hisham dan Mohd Nasruddin turut mendapati elemen KBAT berada pada tahap sederhana. Guru perlu mengaplikasikan elemen KBAT untuk merangsang proses PdP terutama dari sudut penglibatan pelajar dalam pembelajaran secara koperatif serta membentuk minda pelajar yang positif.

Manakala Ravitz [12], menggariskan kemahiran kreatif dan inovasi sebagai keupayaan pelajar menjana dan menyelesaikan masalah dan tugas yang kompleks berasaskan sintesis dan analisis tentang sesuatu tajuk atau isi pelajaran serta dapat menjelaskan semula apa yang telah dipelajari. Namun demikian, dapatan bagi konsep 4C aspek kreatif dan pemikiran kritikal berada pada tahap sederhana. Aspek kreatif dan pemikiran kritikal yang ditumpukan dalam kajian ialah unsur kreativiti dalam PdP, pembinaan bahan, penyediaan dan memupuk pemikiran kritikal. Aspek penerapan unsur kreatif dan inovatif dalam pembinaan bahan PdP jarang diamalkan walaupun terdapat sebahagian daripada mereka yang melaksanakan PdP yang menggunakan bahan interaktif yang bersifat aplikasi TMK.

### **3. Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji keberkesanan aplikasi aspek 4K dan 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Abad 21 (PdPc) di sekolah.

#### *3.1 Objektif*

Mengenal pasti elemen 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Abad 21 yang diamalkan dalam PdPc Program Tingkatan Enam.

Mengkaji strategi dan pelaksanaan PAK21 menerusi elemen 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan guru dalam Program Tingkatan Enam.

Mengkaji kesan pelaksanaan amalan 4K 1N menerusi aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan kepada pelajar Tingkatan Enam.

#### *3.2 Soalan Kajian*

3.2.1 Apakah elemen 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Abad 21 yang di amalkan dalam PdPc Program Tingkatan Enam?

3.2.2 Bagaimanakah strategi dan pelaksanaan PAK21 menerusi elemen 4K 1N diamalkan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam PdPc Program Tingkatan Enam?

3.2.3 Sejauh manakah kesan pelaksanaan amalan 4K 1N menerusi aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan kepada pelajar Tingkatan Enam?

### **4. Batasan Kajian**

Batasan kajian hanya tertumpu kepada 66 orang guru yang mengajar di Program Tingkatan Enam di daerah Kubang Pasu.

### **5. Responden/peserta Kajian**

Responden kajian ini terdiri daripada 66 orang guru yang mengajar program Tingkatan Enam di daerah Kubang Pasu, manakala peserta kajian pula adalah seramai 5 orang guru yang dipilih secara rawak mudah dalam kalangan 66 orang responden kajian. Mereka terdiri daripada 17 orang guru lelaki dan 49 orang guru perempuan mewakili tujuh buah sekolah yang menawarkan Program Tingkatan Enam di daerah Kubang Pasu. Jusifikasi mengklasifikasikan responden dan peserta kajian ini adalah berdasarkan kepada teknik pengumpulan data yang akan dijalankan. Keseluruhan 66 orang responden kajian akan menjawab soalan soal selidik berskala Likert manakala 5 orang peserta kajian akan melalui sesi temu bual dan pemerhatian semasa aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung.

### **6. Kepentingan Kajian**

Secara praktikalnya kajian ini memperlihatkan amalan dan pelaksanaan PAK21 menerusi elemen 4K 1N dalam kalangan guru sekolah. Justeru itu terdapat beberapa kepentingan yang menjadi fokus utama yang menyebabkan penyelidikan ini dilaksanakan iaitu kepentingan kepada guru dan pelajar, pihak sekolah dan masyarakat.

Pelajar merupakan agen utama dalam sistem pengajaran guru. Tujuan sesuatu amalan pendidikan guru adalah untuk kemenjadian pelajar. Oleh yang demikian hasil dapatan kajian ini akan

menjadi panduan kepada guru atau pendidikan dalam merancang strategi pengajaran lebih mendidik dan membangunkan generasi pelajar untuk menjadi individu yang lebih yakin, kreatif, kritis, mampu membuat kolaborasi serta dapat berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling dengan lebih berkesan. Guru-guru akan lebih peka dalam merancang pembelajaran yang lebih fleksibel di samping turut menerapkan elemen 4K 1N. selain itu kepentingan kajian ini kepada guru-guru sekolah adalah untuk menjadi panduan tentang pelaksanaan elemen 4K 1N dalam amalan pedagogi mereka.

Selain daripada itu kepentingan kajian ini juga berfokus kan kepada pihak sekolah khususnya pihak pentadbir iaitu dengan memastikan proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Selain daripada itu pihak sekolah juga perlu sentiasa menekankan penerapan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri pelajar dengan berteraskan kepada acuan Malaysia.

## 7. Tinjauan Literatur

Mendepani cabaran abad ke-21, agenda melahirkan modal insan minda kelas pertama berdasarkan apa yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (Kementerian Pelajaran, 2006), berkualiti tinggi sebagaimana gagasan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025.

Masyuniza dan Zamri [6] melalui hasil kajiannya tentang keupayaan pelajar sekolah menengah menguasai kemahiran abad ke-21 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mendapati pelajar boleh berkomunikasi dalam kumpulan dan yakin keberkesanan teknik PdP secara berkumpulan. Kesedaran dan kebiasaan tentang ciri-ciri kolaboratif dan komunikasi ini seiring dengan dapatan kajian Vincent (n.d) tentang kemahiran dan tema PdP abad ke-21 dalam kalangan guru kolej ketika proses menjalani latihan keguruan dan amalan pengajaran di bilik darjah. Guru kolej didapati peka dengan pelbagai konsep dan kemahiran PAK21. PAK21 perlu di struktur dengan menekankan kepada aktiviti dan penglibatan pelajar khususnya melibatkan aktiviti berkomunikasi secara kolaboratif dan penyelesaian masalah.

Mattew Lipman iaitu pelopor kepada (P4C) dalam tulisannya *Philosophy for Children* menyatakan bahawa 4C atau 4K dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalaman kanak-kanak kerana melibatkan emosi, berfikiran kritis, kreatif di samping menekan aspek nilai. Mohammad Mohsin Mohamad Said and Nasaruddin Yunos, dalam kajian yang bertajuk peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar mendapati guru perlu menggalakkan pelajar untuk belajar secara bebas serta guru perlu sentiasa menggalakkan pelajar saling bekerja sama dengan pelajar dan bersepadu secara sosial. Budaya ini akan menjadikan pelajar berfikir secara kritis dan fleksibel. Terdapat beberapa kajian lain yang turut menjadi rujukan dalam penulisan proposal ini seperti Mohd Zarawi Mat Nor [8], Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail [9].

## 8. Metodologi Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini mengaplikasikan kaedah *Design and Development Research* (DDR) iaitu kaedah campuran antara kuantitatif dan kualitatif. Manakala pendekatan kajian yang diamalkan dalam kajian ini ialah kajian kes. Jusifikasi pemilihan reka bentuk kajian ini berdasarkan kepada keperluan data kajian iaitu bagi mendapatkan maklumat demografi guru, selain memerlukan maklum balas mereka terhadap pelaksanaan 4K 1N yang diamalkan dalam PdPc di sekolah. Oleh yang demikian data ini dikumpulkan melalui edaran soalan soal selidik (kuantitatif) kepada guru. Bagi tujuan kesahan data, penyelidik bersepakat untuk mendapatkan data secara temubual dan

permerhatian (kualitatif) iaitu responden yang dipilih secara rawak mudah akan melalui sesi pemerhatian dan temubual.

### 8.1 Teknik Pengumpulan Data

Secara keseluruhannya kajian ini mengaplikasikan lima teknik pengumpulan data iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Borang soal selidik diedarkan kepada 66 orang guru yang mengajar dalam Program Tingkatan Enam di daerah Kubang Pasu. Manakala temu bual dilaksanakan terhadap lima orang guru dan tiga orang pelajar. Soalan temu bual adalah berkaitan dengan pelaksanaan 4K 1N dalam PdPc yang diamalkan. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat serta menyokong data yang diperolehi secara soal selidik dan temu bual, dua sesi pemerhatian terhadap aktiviti PdPc telah dilaksanakan terhadap guru berkenaan.

### 8.2 Analisis Data

Terdapat dua kaedah analisis yang akan diaplikasikan dalam kajian ini iaitu melalui SPSS dan analisis tematik. Data yang dikumpul secara soal selidik akan melalui proses analisis dengan menggunakan perisian SPSS. Oleh yang demikian berkemungkinan data akan dilaporkan dalam bentuk graf, carta pai atau dalam bentuk peratusan. Manakala data yang diperolehi secara temu bual dan pemerhatian akan dianalisis secara tematik iaitu berdasarkan tema-tema yang telah dibentuk melalui objektif kajian dan pelaporan adalah dalam bentuk deskriptif atau dalam bentuk huraian perkataan.

## 9. Dapatan Kajian Kuantitatif

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik 5 skala Likert. Mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A: Demografi dan Bahagian B soal selidik berkenaan elemen 4K 1N. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, peratus dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah berpandukan kajian Zuraida Ismail dan Azwan Ahmad.

**Jadual 1**

Interpretasi Dapatan Data Min

Skor Min	Interpretasi Min	Tahap
1.0-2.9	Tidak Setuju/ Sangat Tidak Setuju	Rendah
3.0-3.9	Tidak Pasti	Sederhana
4.0-5.0	Setuju/ Sangat Setuju	Tinggi

### 9.1. Latar Belakang Responden

Responden kajian terdiri daripada guru-guru Tingkatan Enam Daerah Kubang Pasu.

**Jadual 2**

Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	17	25.75
Perempuan	49	74.25

---

<b>Jumlah</b>	66	100.0
---------------	----	-------

---

Jadual 2 menunjukkan frekuensi dan peratus responden mengikut jantina. Daripada jumlah 66 orang responden, 17 orang responden (25.75%) adalah guru lelaki manakala 49 orang responden (74.25 %) ialah guru perempuan.

**Jadual 3**

Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

<b>Pengalaman Mengajar</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
1 hingga 15 Tahun	16	25
16 Tahun Dan Ke Atas	50	75
<b>Jumlah</b>	<b>66</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan frekuensi dan peratus responden mengikut pengalaman mengajar. Daripada jumlah 66 orang responden, 16 orang responden (54.3%) mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 15 tahun manakala 50 orang responden (45.7 %) mempunyai pengalaman mengajar 16 tahun dan ke atas.

## 9.2. Aplikasi 4K 1N Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Dapatan kajian ini telah dianalisis dan dirumuskan merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

**Soalan 1:** Apakah elemen 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad 21 yang diamalkan dalam PdPc Program Tingkatan Enam Daerah Kubang Pasu?

**Jadual 4**

Tahap Amalan 4K1N guru-guru Tingkatan Enam Daerah Kubang Pasu

<b>Elemen 4K 1N</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tahap</b>
Kreatif	4.03	Sederhana
Kritis	4.09	Sederhana
Kolaboratif	3.98	Rendah
Komunikasi	4.33	Tinggi
Nilai	4.34	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.15</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian tahap amalan 4k 1N dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan 4K 1N dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu adalah tinggi dengan skor min 4.15. Namun jika dilihat dari elemen 4K 1N pula elemen kolaboratif memperoleh skor min terendah dengan 3.98. Elemen Kritis skor min 4.09 dan elemen kreatif skor min 4.03. Ketiga-tiga elemen ini berada di tahap sederhana. Manakala elemen komunikasi memperoleh skor min 4.33 dan elemen nilai memperoleh skor min tertinggi 4.34.

Ini telah menunjukkan tahap amalan 4K 1N dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu adalah tinggi. Guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu bukan sahaja mempunyai kefahaman PAK-21 yang tinggi, malah mereka juga sentiasa memasukkan elemen PAK-21 dalam



rancangan pengajaran mereka. Kajian ini bertepatan dengan kajian Raja Abdullah dan Daud Ismail (2018). Hasil kajian secara keseluruhan mendapati pengetahuan dan “Konsep 4C” iaitu kreativiti (*creativity*), pemikiran kritis (*critical thinking*), kolaborasi (*collaborative*) dan komunikasi (*communication*) yang diaplikasikan oleh guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu semasa proses PdPc mereka.

Sehubungan dengan itu, dalam mengamalkan 4K 1N, guru-guru Tingkatan Enam ini juga perlu menyedari dan memahami konsep PAK21 supaya dapat mendorong murid lebih berkeyakinan dengan keupayaan sendiri dalam proses PdPc abad ke-21. Ini jelas ditunjukkan oleh guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu dengan nilai min 4.27. Ini sejajar dengan kajian yang menyarankan guru-guru membantu murid membina keyakinan diri dalam mempelajari apa sahaja. Murid perlu sentiasa diberi sokongan dan motivasi supaya mereka lebih berkeyakinan dengan kemampuan diri mereka dan tidak mudah berputus asa. Ini jelas menunjukkan guru secara amnya telah memahami kepentingan menguasai kurikulum dalam PAK-21 dan seterusnya kepentingan untuk sentiasa membina keyakinan dan memberikan motivasi kepada pelajar dalam melaksanakan PAK-21 dalam bilik darjah, bagi meningkatkan nilai dalam diri murid tersebut.

**Soalan 2:** Bagaimanakah strategi dan pelaksanaan PAK21 menerusi elemen 4K 1N diamalkan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam PdPc Program Tingkatan Enam?

#### Jadual 5

Perbezaan yang signifikan tahap amalan 4K 1N dalam kalangan guru Pra Universiti PPD Kubang Pasu dari aspek pengalaman mengajar

Faktor	1-15 tahun		16 tahun ke atas		Nilai t	P	df
	Min	SE	Min	SE			
Tahap amalan 4K 1N	3.95	0.09	4.10	0.09	-1.101	.279	33

Jadual 5 di atas, dapatan menunjukkan bahawa nilai skor min yang diperoleh oleh guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu yang pengalaman mengajar 1- 15 tahun ialah 3.95, manakala yang pengalaman mengajar 16 tahun ke atas memperoleh skor min 4.10. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa yang pengalaman 1- 15 tahun mempunyai tahap amalan 4K 1N yang lebih rendah berbanding guru yang pengalaman mengajar 16 tahun ke atas. Pengujian perbezaan min melalui ujian t pula memperoleh nilai t sebanyak -1.101 ( $df = 33$ ;  $p = .279$ ) yang signifikan pada aras  $p < 0.05$ . Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan 4K 1N dalam kalangan Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu dari aspek pengalaman mengajar. Walau bagaimana pun, terdapat perbezaan antara tahap amalan guru terhadap 4N 1K dengan pengalaman mengajar. Hal ini menunjukkan, tahap amalan guru terhadap 4N 1K dengan mengikut pengalaman mengajar adalah tinggi dan nilai signifikannya adalah berada di 0.279. Ini bermakna tahap amalan 4K 1N dalam kalangan guru tidak dipengaruhi oleh faktor pengalaman yang lama atau tidak. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Aimi Hafizah. Hasil kajian beliau menunjukkan pengalaman guru SMK Pekan Nenas tidak mempengaruhi pelaksanaan atau amalan dalam pengajaran dan pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu elemen 4K 1N.

**Soalan 3:** Sejauh manakah kesan pelaksanaan amalan 4K 1N menerusi aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan kepada pelajar Tingkatan Enam?

Dengan melihat elemen tahap amalan guru terhadap 4K 1N (PAK-21) di daerah Kubang Pasu , Kedah purata min keseluruhan telah menunjukkan guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu mempunyai tahap amalan 4K 1N (PAK-21) yang tinggi. Untuk memastikan tahap amalan kefahaman

guru terhadap 4K 1N (PAK-21) kekal dalam aras yang tinggi, guru perlu sentiasa memperkembangkan pengetahuan sendiri terhadap maklumat PAK-21 yang ditambah atau diubah. Jurnal, modul dan buku panduan pengajaran bercirikan abad ke-21 yang lebih relevan perlu disediakan kepada guru supaya mereka dapat menambah sesuatu pengetahuan yang baru dalam pengajaran dan mempunyai rujukan yang pelbagai.

Seterusnya, bagi mengekalkan tahap amalan 4K 1N dalam kalangan Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu ini, penglibatan guru yang menghadiri bengkel bukan hanya tertumpu kepada Ketua Panitia sahaja, malah guru lain juga dapat diberi peluang untuk mengoptimumkan maklumat. Selain itu, "Lesson Study" merupakan suatu amalan perbincangan secara kolaborasi dalam bidang pendidikan yang diperkenalkan oleh negara Jepun. Seseorang guru akan berupaya untuk mencetus dan memimpin perbincangan dalam kumpulan bagi membolehkan maklumat yang telah di bincang tersebut dapat diterjemahkan secara menyeluruh dan lengkap. Oleh itu, "Lesson Study" ini perlu dijalankan untuk mengatasi masalah guru yang mempunyai kefahaman PAK-21, tetapi kurang memiliki kemahiran untuk melaksanakannya. Guru perlu sentiasa menambah pengetahuan dan kemahiran diri sendiri dalam pendidikan supaya *efficacy* sendiri ditingkatkan serta dapat memupuk sifat keazaman dan memastikan konsep pembelajaran sepanjang hayat dapat diterapkan.

Pihak pengurusan sekolah boleh juga membudayakan PAK 21 dalam kalangan guru dan murid di sekolah masing-masing dengan mengadakan sudut-sudut PAK 21 dalam bilik darjah dan kawasan sekolah. Budaya PAK-21 di kelas Tingkatan Enam, Daerah Kubang Pasu yang boleh dikongsi bersama. Di sekolah ini, terdapat info 4C 1N diletakkan dalam kelas, papan-papan maklumat dan laluan utama di sekolah.



**Rajah 1.** Budaya PAK-21 di kelas Tingkatan Enam, Daerah Kubang Pasu

## 10. Dapatan Kajian Kualitatif

Dapatan kajian menunjukkan amalan PAK21 dalam aktiviti PdPc oleh guru-guru yang mengajar Program Tingkatan Enam dilihat sebagai usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti seiring dengan keperluan ke arah negara maju. Pemupukan elemen 4K 1N dalam aktiviti PdPc secara tidak langsung memperlihatkan kemampuan pelajar Tingkatan Enam menguasai semua aspek dalam 4K 1N. Selain itu pemupukan nilai murni dan etika dalam aktiviti PdPc akan melengkapkan lagi kemenjadian seseorang pelajar.

## 10.1 Elemen 4K

Hasil kajian mendapati aplikasi elemen 4K 1N menerusi program Tingkatan Enam ini telah dijadikan amalan dalam PdPc guru-guru. Namun demikian terdapat elemen tertentu yang masih perlu diperkukuhkan oleh guru-guru yang mengajar Tingkatan Enam bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

### 10.1.1 Elemen Komunikasi

Aspek komunikasi berkesan merupakan elemen utama dan penting dalam mewujudkan sikap saling membantu antara pelajar, memupuk nilai akhlak mulia dan menjalinkan hubungan silaturrahim bagi melahirkan komuniti masyarakat yang baik. Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama peserta kajian satu (PK1) dan peserta kajian tiga (PK3) yang merupakan guru Tingkatan Enam daripada dua sekolah yang berlainan di daerah Kubang Pasu dan berdasarkan pemerhatian yang dijalankan mendapati, kemahiran komunikasi merupakan antara aspek penting yang menentukan kejayaan seseorang guru dalam menyampaikan isi pelajaran, manakala kepentingan komunikasi kepada pelajar adalah dapat memudahkan mereka memproses ilmu yang diperoleh daripada guru.

Hasil pemerhatian juga menunjukkan masih terdapat dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam yang masih kekok dan tidak mampu membiasakan diri untuk bercakap dengan individu lain. Ini menunjukkan pemupukan aspek komunikasi dalam aktiviti PdP perlu menggunakan strategi yang pelbagai bagi membina keyakinan pelajar untuk berkomunikasi secara matang. Menurut peserta kajian satu (PK1), penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi abad ke21 yang diselitkan dengan 4K 1N masih perlu ditingkatkan. Khususnya terhadap aspek komunikasi. Hasil pemerhatian juga menunjukkan masih terdapat pelajar yang kekok apabila diminta untuk mengendalikan aktiviti pembelajaran dua hala sama ada dengan rakan ataupun guru.

‘Saya sudah mengaplikasikan pdp yang berasaskan PAK21 dalam pengajaran saya, dan saya rasa semua aspek 4K 1N ni sudah saya tekankan, tetapi masih terdapat *student* pra U ni yang masih malu, kurang keyakinan diri. Ada sesetengah pelajar, jika saya minta ke hadapan kelas untuk bercakap atau untuk sesi pembentangan, terus diam kalau cakap pun suara sangat perlahan. Mungkin malu atau sebab tak biasa. Saya tak nafikan juga ada yang cemerlang dalam semua aspek 4K malah elemen 1N juga bagus. Student yang bagus ini selalunya berani bercakap, tidak kekok untuk berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka’.

Peserta Kajian Satu (PK1): (TB.PK1/10072019: 15-18)

Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan perlu dipupuk seawal usia persekolahan kanak-kanak bagi membina jati diri yang berkesan, pada peringkat Tingkatan Enam pelajar seharusnya telah memiliki keyakinan dan personaliti yang berkesan apabila berkomunikasi.

### 10.1.2 Elemen Kolaboratif

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan mendapati elemen kolaboratif merujuk kepada sesuatu yang dilakukan secara bersama-sama atau berkumpulan. Aplikasi elemen kolaboratif oleh guru yang mengajar Tingkatan Enam ini adalah melalui kerjasama yang wujud antara guru dan murid atau murid dan murid secara aktif dan menyeluruh, di mana, ia melibatkan pertukaran idea, pendapat atau pengetahuan antara murid-murid. Menurut PK2, dalam mengaplikasikan elemen

kolaboratif bagi pelajar Tingkatan Enam, seseorang guru itu perlu memahami gaya pembelajaran muridnya.

‘Sebagai guru, kalau boleh saya nak praktikan semua elemen 4K dalam pdp saya. Tetapi bukannya semuanya boleh di hadam oleh pelajar dalam masa yang singkat. Saya mesti faham cara pelajar saya belajar dan memahami situasi pembelajaran mereka dalam kelas. Bukan semua pelajar mempunyai kecenderungan yang sama’.

Peserta Kajian Dua (PK2): (TB.PK2/10072019: 8-11)

Hasil daripada pemerhatian juga mendapati terdapat pelajar yang tidak memberi komitmen sepenuhnya ketika membuat tugas secara berkumpulan. Pelajar ini lebih banyak berbual dan membuat kerja sendiri ketika ahli kumpulan yang lain berbincang. Hal ini, berkemungkinan oleh sifat tidak bertanggungjawab atau disebabkan oleh hubungan antara ahli kumpulan yang tidak mesra. Oleh itu, guru perlu menarik perhatian mereka supaya tugas berkumpulan kelihatan lebih seronok pada pandangan mereka. Ada sesetengah pelajar pula seronok jika diberi tugas berkumpulan kerana mereka tidak perlu mengerah otak untuk memikirkan idea-idea yang bernas, sebaliknya dibiarkan rakan-rakan sahaja menyelesaikan tugas yang diberi.

Menurut PK2 lagi, guru mestilah bertanggungjawab untuk melaksanakan elemen kolaboratif yang berkesan seperti menyelesaikan masalah yang timbul dan memberi penegasan dalam aktiviti berkumpulan, kerana jika elemen ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, ia dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan pencapaian mereka dari masa ke masa.

Hasil pemerhatian juga menunjukkan, suasana kelas yang kolaboratif akan memberi kesan kepada meta kognitif, iaitu kesedaran pelajar tentang perkara yang diketahui dan tidak diketahui semasa proses pembelajarannya. Melalui kolaborasi, guru boleh menerapkan beberapa nilai positif dalam diri pelajar itu sendiri, seperti bertanggungjawab terhadap tugas dalam kumpulan, penglibatan aktif atau seimbang, bersikap terbuka untuk menerima idea dan pandangan rakan-rakan lain serta mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka. Jadi, guru adalah insan yang paling sesuai untuk melakukan sesuatu perkara dalam memancing emosi dan perhatian pelajarannya.

### 10.1.3 Elemen Kritis

Elemen kritis berdasarkan kajian ini ialah keupayaan individu untuk membuat penilaian mengenai sesuatu perkara, termasuk kebaikan dan kelemahannya. Dari aspek pendidikan, pemikiran kritis berlaku apabila pelajar meneroka pemikiran mereka untuk menilai idea-idea yang diterima secara rasional dan membuat pertimbangan mengenai idea tersebut melalui penggunaan alasan-alasan yang wajar. Guru akan bertindak sebagai pemudah cara dalam membantu menjana pemikiran kritis dalam kalangan pelajar supaya aspek kritis yang dibina oleh pelajar akan lebih terarah.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan ke atas ke lima peserta kajian mendapati, telah terdapat dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam yang mengaplikasikan elemen ini dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam kelas atau melalui sesi perbincangan ilmiah bersama pelajar. Didapati juga pemikiran kritis boleh terhasil dengan berkesan melalui beberapa cara, seperti penggunaan sumber yang meluas iaitu merujuk kepada maklumat yang diperolehi oleh pelajar bagi tujuan menjawab soalan, perbincangan ataupun kuiz. Bagi mengukuhkan maklumat yang diperolehi oleh pelajar, guru perlu memantau sama ada maklumat tersebut bersesuaian dengan topik pembelajaran ataupun tidak. Berdasarkan temu bual mendapati, guru telah juga turut memastikan para pelajar mahir untuk mencari maklumat yang berkaitan dan menilai sama ada maklumat yang diperolehi itu cukup atau tidak untuk melaksanakan tugas yang diberi.

‘Walaupun pelajar pra U ini boleh berdikari tetapi kami perlu juga memastikan mereka kreatif dalam mencari maklumat bagi mendapatkan kesan lebih kritis apabila mereka menjawab soalan tugasan atau perbincangan yang diadakan’.

Peserta Kajian Lima (PK5): (TB.PK5/1072019: 27-30)

Menurut beliau lagi, guru juga perlu memberi galakan kepada pelajar untuk membahaskan sesuatu idea secara kritis supaya mereka dapat menjana pelbagai pandangan dan pengetahuan yang lebih matang. Elemen pemikiran kritis akan berjaya diterapkan dalam diri pelajar melalui sesi pengajaran dan pembelajaran sekiranya guru mempunyai kaedah tersendiri, untuk menyerapkan elemen ini kepada pelajar dalam apa juga aktiviti yang mereka lakukan, bukan sekadar untuk mendapatkan bahan-bahan ilmiah tetapi dalam komunikasi sosial dengan guru, rakan-rakan dan persekitaran mereka. Jika elemen ini telah tertanam dalam diri mereka, adalah mudah untuk mereka belajar dan berinteraksi di luar kotak. Pelajar yang berfikir kritis adalah pelajar yang berfikir terbuka, di mana, mereka mudah untuk menerima pandangan atau idea yang dikemukakan oleh rakan-rakan lain serta tidak merendah-rendahkan idea yang diterima.

#### 10.1.4 Elemen Kreativiti

Dalam kajian ini elemen kreativiti lebih merujuk kepada kemahiran kreativiti yang melibatkan penggunaan teknik penjaan idea yang pelbagai, memperincikan, menapis, menganalisis dan menilai idea untuk mempertingkatkan dan memaksimumkan hasil secara lebih kreatif. Kreativiti juga merujuk kepada sesuatu proses yang berlaku, di mana, ia melibatkan penghasilan sesuatu yang baru, berguna dan juga berkualiti. Elemen ini juga merupakan salah satu elemen yang penting untuk diterapkan dalam diri murid.

Dalam kajian yang dijalankan mendapati guru-guru Tingkatan Enam masih perlu memberi bimbingan kepada pelajar khususnya dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan ilmu baharu, pencambahan idea atau menghasilkan inovasi baharu bagi meningkatkan lagi mutu pembelajaran. Aktiviti ini secara tidak langsung akan membantu membina keyakinan ini diri dalam kalangan pelajar dan membantu mereka berfikir di luar kotak.

Menurut PK3, semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru boleh meminta pelajar untuk menghasilkan sesuatu produk yang unik, iaitu produk yang lain daripada produk sedia ada iaitu bagi tujuan memperbaiki amalan pengajaran sedia ada. Hal ini amat bertepatan dengan strategi pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Lazimnya pelajar Tingkatan Enam ini mempunyai idea yang segar dan menarik. Walau bagaimanapun idea mereka perlu dibimbing bagi memperkasakan lagi produk akhir yang dicipta. Perbincangan dan tunjuk ajar yang praktikal perlu diberi supaya murid dapat membuat penambahbaikan terhadap produk ciptaan mereka.

‘Dalam mengajar Pendidikan Seni Visual tingkatan enam, elemen kreativiti dalam penghasilan karya seni amat ditekankan. Malah bagi memudahkan mereka menghasilkan karya saya akan cuba untuk mencipta peralatan atau membuat inovasi contohnya baru-baru ini saya bersama-sama pelajar telah mengaplikasikan bahan-bahan alam sebagai warna dalam penghasilan catan. Malah pelajar saya banyak membantu dalam membuat eksperimen ini. Dan hasilnya amat memberangsangkan. Kombinasi antara warna alam dan warna yang ada di pasaran lebih menyerlahkan lagi kreativiti mereka dalam berkarya’.

Peserta Kajian Tiga (PK3): (TB.PK3/15072019: 23-29)

## 10.2 Nilai Murni dan Etika

Nilai murni dalam kajian ini boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang baik, beradab dan menjaga tatasusila, manakala, etika pula merujuk kepada keperibadian atau perwatakan seseorang. Dalam dunia pendidikan, elemen ini amat penting untuk diterapkan dalam diri pelajar supaya ia dapat membentuk jati diri yang tinggi. Guru merupakan insan yang paling rapat dengan pelajar ketika mereka berada di sekolah. Oleh itu, guru seharusnya berusaha untuk menerapkan nilai-nilai yang positif dalam diri pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Dalam sesi temu bual dan pemerhatian yang dijalankan menunjukkan, guru boleh meminta pelajar untuk menyatakan nilai murni yang bersesuaian dengan topik pembelajaran pada hari tersebut. Aktiviti ini secara dasarnya adalah aktiviti mudah bagi pelajar Tingkatan Enam, tetapi menurut guru yang mengajar, sekiranya hal ini tidak ditekankan maka, pelajar-pelajar ini akan terlepas pandang. Sedangkan nilai murni merupakan elemen asas yang membentuk jati diri seseorang pelajar.

Menurut PK2 dan PK4, bukan semua daripada pelajar yang cemerlang mempunyai jati diri dan perwatakan yang baik. Bahasa pertuturan mereka agak kasar, malah bahasa tubuh juga tidak mencerminkan apa yang dituturkan. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memantapkan lagi pelajar-pelajar Tingkatan Enam ini menguasai dan menghayati nilai-nilai murni. Malah di sini juga, guru-guru perlu memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik pelajar untuk sentiasa berkelakuan sopan. Menurut PK4, terdapat dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam ini yang suka merendah-rendahkan rakan-rakan yang mengamalkan nilai-nilai murni.

'Kadang-kadang saya lihat, ada pelajar pra U ni, yang suka per lekeh rakan-rakan yang mempunyai perwatakan baik, bersopan santun, rajin membantu guru. Malah ada gelaran tertentu, hmmm seperti budak skema. Mungkin mereka rasa mereka sudah besar, tak perlu lagi perwatakan sedemikian. Tak perlu tolong guru bawa beg ke kelas. Sikap ni sebenarnya boleh menjadi lebih teruk apabila tidak dibendung'.

Peserta Kajian Empat (PK4): (TB.P4/10072019: 31-35)

## 11. Perbincangan dan Kesimpulan

Penemuan kajian menunjukkan kesemua responden menerapkan elemen 4K 1N dalam proses pengajaran dan pembelajaran tiada perbezaan yang ketara dalam mengaplikasikan 4K 1N antara pengalaman guru yang mengajar melebihi 16 tahun dengan pengalaman yang kurang daripada 16 tahun. Namun begitu terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh guru-guru Tingkatan Enam ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan dalam PdPc masih terdapat pelajar Tingkatan Enam kurang memberi komitmen yang tinggi semasa berkolaboratif dengan rakan kumpulan semasa aktiviti dijalankan. Penambahbaikan perlu dilakukan oleh guru sama ada mengubah strategi pengajaran atau mengenakan peraturan tertentu supaya pelajar ini fokus ketika menjalankan aktiviti berkumpulan.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar Tingkatan Enam kurang berkeyakinan dalam berkomunikasi. Masih terdapat perasaan malu untuk berkomunikasi dalam kumpulan perbincangan. Namun demikian, permasalahan ini mungkin disebabkan kurang keyakinan untuk bercakap dalam kumpulan atau sebelum ini jarang atau tidak pernah bercakap di dalam kumpulan yang ramai. Kelemahan ini boleh diatasi dengan mendedahkan kepada pelajar ini komunikasi berkesan atau pendedahan dalam

pengucapan awam. Penerapan nilai telah berlaku semasa proses PdPc dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan aspek nilai dan etika ini masih perlu dipertingkatkan lagi kerana ada kalangan pelajar yang cemerlang masih mempunyai perwatakan yang kurang baik seperti memandang rendah terhadap rakan. Kesedaran dalam bentuk program kerohanian perlu dijalankan oleh pihak sekolah.

## 11.2 Rumusan

Kajian yang dijalankan secara umumnya, adalah bagi menjalankan tinjauan tentang tahap amalan 4K 1N (PAK-21) dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu, Alor Setar, Kedah. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan guru Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu terhadap 4K 1N (PAK-21) adalah tinggi. Selain itu, hasil kajian telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan terhadap amalan 4K 1N (PAK-21) Tingkatan Enam PPD Kubang Pasu dari aspek pengalaman mengajar.

Justeru itu, bagi merealisasikan paradigma baru PAK-21 memerlukan PdPc berbentuk dinamik untuk mendidik generasi muda yang dipengaruhi globalisasi dan revolusi teknologi di era Revolusi Industri 4.0 ini. Oleh itu, guru pula tidak harus memandang sepi malah perlu mengorak langkah ke arah itu dengan mempelajari dan memperdalaminya. Kandungan pembelajaran dan kemahiran dikuasai atau dipelajari dengan teradung (blended learning) secara bersemuka dan juga pembelajaran maya. Konsep PdPc seumpama inilah yang menjadi gaya pembelajaran Gen-Z masa kini yang perlu dididik secara beretika untuk bersaing di peringkat global (Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail, 2018). Namun demikian, tanggapan bahawa PAK-21 memerlukan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) haruslah diketepikan. PAK-21 boleh dilaksanakan tanpa kemudahan TMK ini. Apa yang penting adalah aplikasi unsur-unsur 4C 1N ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran, “jangan anggap tanpa kemudahan internet PAK-21 tidak dapat dijalankan, sebenarnya di mana sahaja kita dihantar mengajar, janganlah berputus asa terhadap anak murid. Mereka berhak mendapat pendidikan yang berkualiti”, pesan cikgu Muhamad Nazmi, Guru Adi wira 2019.

## Rujukan

- [1] Abdul Talib Hashim, Amir Hasan Dawi, Hamidah Yusof dan Zahari Suppian (2012). Gaya Pembelajaran Pelajar Program Program Pra Universiti Di Malaysia dalam Jurnal Bitara Vol. 5 (2012) ISSN 1394-7176 21.
- [2] Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar. (2015). Penilaian Kendiri Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Conference Paper Keningau, 1-35.
- [3] Bray, A. (2016). Teachers Experiences of The Integration of 21st Century Learning In The Mathematics Classroom- The Bridge21 Model In Action. School of Education and School of Computer Science and Statistics, Trinity College, Dublin, Ireland.  
<https://doi.org/10.5220/0005759302190230>
- [4] Creswell, J.W. (2009), Research design: Qualitative, quantities and mixed methods approaches (3rd ed.). Thousand Oaks. CA: Sage.
- [5] Creswell, J.W. (2012). Educational Research : Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. (fourth ed.). USA: University of Nebraska – Lincoln.
- [6] Masyuniza Yunos & Zamri Mahamod. (2013). Penyepaduan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama, 338-352.
- [7] Mohammad Mohsin Mohamad Said & Nasaruddin Yunos (2008), Peranan guru dalam memupuk kreativiti dalam Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 9 . pp. 57-71. ISSN 1511-8393.
- [8] Mohd Zarawi Mat Nor (2012). Pola Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah. Tesis Doktor Falsafah. (tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- [9] Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail (2018). Aplikasi ‘Konsep 4c’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. dalam Asian People Journal (APJ) ISSN : 2660-8971, Volume 1, Issue1 (2018), m.s. 45-65.
- [10] Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. (2006). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- 
- [11] Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah (2008). Kesan Faktor Jantina, Etnik Dan Gaya Kognitif Ke Atas Pencapaian Pengajian Am. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 123–140.
- [12] Ravitz, J. (2014). A Survey for Measuring 21st Century Teaching and Learning: West Virginia 21st Century Teaching and Learning Survey [WVDE-CIS-28]. Department of Education, West Virginia <http://www.cikgusuhaimin.com/2017/10/47-aktiviti-pembelajaran-abad-ke-21-pak.html> (dimuat turun pada 27 Mac 2019).